



MOHD. ZIN ABD. RAHMAN (berdiri dua dari kanan) mengiringi Muhammad Ibrahim (kanan) meninjau kaunter rawatan percuma pada majlis Perasmian Poliklinik UKM di Seremban 2, Negeri Sembilan, kelmarin. - UTUSAN/MOHD. IZZUL FARHAN AHMAD SURIANSHAH

## Poliklinik UKM cawangan ketiga dibuka di Seremban

**SEREMBAN 26 Julai** - Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Holdings Sdn. Bhd. membuka cawangan ketiga poliklinik miliknya yang beroperasi di Seremban 2 di sini.

Pengarah Urusannya, Mohd. Zin Abd. Rahman berkata, poliklinik tersebut menawarkan pelbagai perkhidmatan perubatan dan kesihatan termasuk kemudahan imbasan ultrasound, sinar-x serta vaksin kepada orang ramai.

Ujarnya, Seremban 2 dipilih kerana kawasan itu berkembang pesat dan mempunyai potensi yang besar kepada perkhidmatan rawatan kesihatan.

"Poliklinik kita yang pertama telah dibuka di Seksyen 15, Bandar Baru Bangi dan ia telah mendapat sambutan memberangsangkan.

"Model yang dilaksanakan di poliklinik itu telah digunakan untuk membuka dua lagi poliklinik iaitu di Taman Bangi Avenue dan di Seremban 2," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis Perasmian Poliklinik UKM di Seremban 2 di sini.

Majlis perasmian disempurnakan Pengerusi Lembaga Pengarah UKM Kesihatan Sdn. Bhd., Muhammad Ibrahim yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif UKM Kesihatan Sdn. Bhd., Zawayah Sharif.

Poliklinik UKM di Seremban 2 beroperasi mulai pukul 8 pagi sehingga 10 malam dengan seorang doktor dan empat kakitangan.

Mengulas lanjut, Mohd. Zin berkata, UKM Holdings menyasarkan untuk membuka tiga lagi poliklinik menjelang penghujung tahun ini iaitu di Putrajaya, Kajang dan Bandar Seri Putra.

"Selain menjana pendapatan kepada pihak universiti, ini juga dapat memperluaskan lagi jenama UKM di seluruh negara," katanya.

Sementara itu, Muhammad berkata, poliklinik UKM turut menawarkan perkhidmatan yang sesetengahnya tidak terdapat di klinik biasa seperti imbasan ultrasound dan vaksin selain mengenakan caj berpatutan kepada pesakit.

Beliau berkata, pihaknya juga kini menyediakan peluang berkonsepkan francais kepada alumni UKM dan universiti lain yang ingin membuka klinik, farmasi atau klinik gigi dan mata.

"Kita sudah lancarkan program ini dan sedang memilih pihak yang akan diberi peluang tersebut untuk dibantu termasuk dalam mendapatkan pinjaman. Ini salah satu bentuk perniagaan baharu dan dengan cara ini kita dapat membantu pelajar yang baru tamat pengajian," katanya.